

Headline	TNB tak rela kalah lagi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Sukan	Page No	47
ArticleSize	461 cm ²	Journalist	Naqib Nor Said
PR Value	RM 47,490		



LIGA PERDANA HOKI MALAYSIA (MHL)

TNB tak rela kalah lagi

➔ Anak buah Muhd Amin tekad benam Maybank

Oleh Naqib Nor said

naqib@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tenaga Nasional Berhad (TNB) tidak rela berdepan satu lagi kekalahan, sebaliknya berharap meraih kemenangan apabila bertemu Maybank pada aksi ketiga Liga Perdana Hoki Malaysia (MHL), petang ini.

Namun timbul persoalan terhadap kemampuan jentera serangan skuad Muhd Amin Rahim itu selepas gagal memanfaatkan deretan peluang ketika tewas tipis

0-1 kepada Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Ahad lalu.

Bagi Amin, kekalahan kepada UniKL di bawah bimbingan Arul Selvaraj adalah sesuatu yang merugikan kerana anak buahnya tidak seharusnya keciciran mata.

“Pada perlawanan itu kami menguasai perlawanan berbanding UniKL malah memperoleh banyak peluang untuk menjaringkan gol.

“Tetapi ketumpulan pada bahagian penyudah menyebabkan kami gagal untuk memanfaatkan segala peluang itu.

“Jadi saya tidak mahu perkara sama berlaku apabila bertemu Maybank esok,” kata bekas pakar pukulan sudut penalti negara itu.

Hormati Maybank

Pada aksi berdepan UniKL itu, Amin mempertaruhkan trio penyerang negara Shahril Saabah, Nik Muhammad

Aiman Nik Rozemi dan Ramadan Rosli, namun kombinasi itu gagal mengulangi kecermerlangan sewaktu membe-

lasah TNB Thunderbolts 6-1, minggu lalu.

Bagaimanapun Amin tetap menghormati Maybank yang pada pandangannya mempunyai barisan pemain lebih baik pada kempen ini jika dibandingkan dengan pasukan musim lalu.

“Saya lihat barisan pemain import mereka agak berbahaya dan setakat ini menunjukkan aksi yang memberangsangkan. Tetapi saya tetap percaya kepada kemampuan barisan pemain tempatan dimiliki saya.

“Kami boleh beraksi menentang mana-mana pasukan termasuklah THT (Pasukan Hoki Terengganu) dan KLHC (Kelab Hoki Kuala Lumpur)... yang penting ialah barisan pemain perlu memberikan yang terbaik,” katanya.

Headline	TNB tak rela kalah lagi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Sukan	Page No	47
ArticleSize	461 cm ²	Journalist	Naqib Nor Said
PR Value	RM 47,490		

[FOTO OSMAN ADNAN / BH]



Pemain TNB, Najib Abu Hassan (kanan) disaingi pemain UNIKL, Aqmal Abd Ghaffar pada perlawanan di Stadium Hoki KL Pantai.